

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YEE LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penubuhan Majlis Khas MA63 dan apakah yang telah dibincangkan dan dipersetujui dalam Majlis tersebut. Apakah yang telah dilakukan sehingga sekarang di bawah Kementerian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak sejak penubuhannya.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUSJOHNITY ONGKILI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menzahirkan komitmen dan keseriusan Kerajaan berhubung usaha-usaha untuk mengembalikan hak-hak negeri Sabah dan negeri Sarawak seperti mana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), Jemaah Menteri pada 9 September 2020 yang lalu telah bersetuju dengan penubuhan Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (**Majlis Khas MA63**). Keputusan Jemaah Menteri ini telah diumumkan sendiri oleh YAB Perdana Menteri sewaktu sambutan Hari Malaysia di Sibu, Sarawak pada 16 September 2020 yang lalu. Penubuhan Majlis Khas ini adalah selaras dengan syor dan keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKK MA63) yang telah dibubarkan pada 18 November 2019 di bawah Kerajaan terdahulu.
2. Mesyuarat Majlis Khas MA63 yang pertama telah diadakan pada 2 Disember 2020 dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dengan dianggotai oleh YAB Ketua Menteri Sabah, YAB Ketua Menteri Sarawak termasuk Peguam Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri bagi kedua-dua negeri tersebut. Mesyuarat Majlis Khas ini juga disertai oleh lapan (8) Menteri mewakili Kementerian yang berkait rapat dengan perihal pembangunan negeri Sabah dan Sarawak serta Peguam Negara, Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.
3. Perkara-perkara yang telah dibincangkan adalah Terma Rujukan Majlis Khas MA63 serta keahliannya, penubuhan tiga (3) Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja iaitu Jawatankuasa Kerja Rakan Sekutu, Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri dan Jawatankuasa Kerja Sosio-Ekonomi beserta keahlian setiap Jawatankuasa Kerja tersebut. Selain itu, mesyuarat ini telah membentangkan status terkini perkara-perkara yang telah dirujuk kepada JKKKMA63 sebelum ini. Majlis Khas ini diurusetikan oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri

(BHES), yang bertanggungjawab memastikan isu-isu yang berkaitan dengan MA63 dapat diselesaikan dan dilaksanakan dengan telus dan berkesan.

4. Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (**BHES**) akan memantau rapi pelaksanaan keputusan-keputusan yang telah dicapai. Setiap kementerian/agensi terlibat akan mengemukakan pelaporan secara berkala kepada BHES dan pelaporan ini akan dibentangkan di peringkat Majlis Khas MA63 yang akan datang.

5. Kerajaan yakin bahawa kejayaan dalam agenda ini akan meredakan ketidak-puasan hati rakyat di negeri Sabah dan Sarawak yang selama ini merenggangkan perpaduan dan integriti wilayah yang kukuh serta sekaligus akan dapat memperkasakan patriotisma dan nasionalisma negara bangsa.

Sekian, terima kasih.